



Kawasan Liputan: Batu Burok, Chendering, Kuala Ibai, Ladang, Gong Tok Naseh, Bkt Besar, Wakaf Mempelam dan Losong.
Hubungi skuad cakna kami untuk mengaktifkan komuniti anda.

Pemakaian jaket keselamatan feri dipantau



Lajim menjelaskan sesuatu kepada kakitangan Jabatan laut ketika hadir merasmikan Hari Bertemu Pelanggan dan Kempen Kesedaran Keselamatan Feri dan Bot Penumpang di Jeti Jabatan Laut Wilayah Timur, Kuala Terengganu, semalam.

■ NURUL HUDA HUSAIN

KUALA TERENGGANU – Kementerian Pengangkutan melalui Jabatan Laut Semenanjung akan memberi lebih tumpuan bagi memantau pemakaian jaket keselamatan kepada penumpang feri kerana tahap kesedaran dalam kalangan pengguna pengangkutan berkenaan masih rendah.

Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Lajim Ukin berkata, kerajaan sentiasa memberi fokus kepada peningkatan perkhidmatan pengangkutan berkenaan dalam usaha untuk memastikan bahawa keselamatan penumpang dan juga keselamatan mereka sentiasa ter-

“Selain itu, pemantauan lebih ketat terhadap pengusaha pengangkutan air khususnya feri agar tidak membawa penumpang melebihi had muatan yang telah ditetapkan kerana kebanyakan tragedi membabit-

kan bot karam adalah berpunca daripada sikap tidak bertanggungjawab pihak pengusaha.

“Oleh itu, kita akan mengambil tindakan yang lebih tegas kepada mana-mana pengusaha yang masih berdegil terhadap peraturan yang seharusnya dipatuhi dengan tidak hanya mementingkan keuntungan semata-mata,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Hari Bertemu Pelanggan dan Kempen Kesedaran Keselamatan Feri dan Bot Penumpang di Jeti Jabatan Laut Wilayah Timur, di sini, semalam.

Menurutnya, dalam memastikan usaha untuk memberi kesedaran kepada penumpang dan pengusaha pengangkutan feri berkesan kakitangan Jabatan Laut melakukan pemeriksaan terlebih dahulu sebelum feri berkenaan menjalankan operasi.

“Kita akan mengarahkan anggota kita (Jabatan Laut) untuk melakukan pemantauan dan kawalan yang lebih ketat agar mereka (penumpang dan pengusaha) bersikap lebih bertanggungjawab terhadap keselamatan diri masing-masing,” katanya.

“Selain itu, pemantauan lebih ketat terhadap pengusaha pengangkutan air khususnya feri agar tidak membawa penumpang melebihi had muatan yang telah ditetapkan kerana kebanyakan tragedi membabitkan bot karam adalah berpunca daripada sikap tidak bertanggungjawab pihak pengusaha.”

Lajim Ukin